



JUARA...pasukan SPPS merakam gambar kenangan bersama pengadil.

## SPPS juara Liga Bola Keranjang Wanita UMS

KOTA KINABALU: Liga Sukan Bola Keranjang Wanita yang dianjurkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama sebulan telah diakhiri dengan persaingan yang menarik baru-baru ini.

Sebanyak lima pasukan telah mewakili sekolah pengajian masing-masing iaitu Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Sekolah Perubatan (SPU), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains dan Teknologi (SST), serta Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) telah mengambil bahagian dalam liga berkenaan.

Pasukan SPPS muncul sebagai johan setelah berjaya menewaskan SPKS dengan jumlah jaringan 36 - 2. SPPS beraksi garang apabila menguasai permainan dengan taktik menyerang se-

hingga pasukan SPKS ketinggalan 2-28 seawal minit kesepuluh. Kekalahan itu sekaligus menjadikan pasukan berkecuaan menyandang naib juara, manakala pasukan SST di tempat yang ketiga.

Dalam pada itu, ketua pasukan SPPS, Tho Wan Jun menyatakan beliau amat berpuas hati dengan penglibatan dalam liga sukan pada tahun ini memandangkan pasukan itu tidak berkesempatan menyertai kejohanan liga berkecuaan pada tahun lalu akibat kekurangan pemain.

Katanya, pasukan tersebut amat berasih baik pada tahun ini kerana terdapat pelajar Sains Sukan dan Program Pendidikan yang mulai mencebur dalam permainan itu.

Dalam pada itu, salah seorang pemain SPPS, Melvina Marvin Chong putu berkata, penglibatan dalam Liga

Sukan Bola Keranjang wanita itu merupakan penglibatan kali pertama oleh kebanyakan pemain.

Walau bagaimanapun katanya, dengan tunjuk ajar daripada para pensyarah seperti Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, Pathmanathan K. Suppiah dan Hasnol Noordin, ia telah membolehkan mereka berjaya meningkatkan kecerdasan, disiplin dan semangat sehingga menuarai liga berkenaan pada kali ini.

Majlis penyampaian hadiah pada kejohanan yang bertujuan untuk mengukur dan mencungkil bakat pemain baru yang berpotensi itu telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur.